

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Antara cara-cara menjadi pelajar yang cemerlang ialah pelajar mesti memiliki sikap rajin. Pelajar mesti rajin membaca buku di sekolah dan juga di rumah. Pelajar juga mesti rajin **1) siap** kerja rumah yang diberi oleh guru dan mereka perlu bertanya kepada guru jika mereka tidak faham tentang sesuatu perkara atau topik. Apabila **2) jelang** peperiksaan, pelajar mesti mengulang kaji pelajaran dengan lebih bersungguh-sungguh lagi.

Selain itu, pelajar juga mesti mempunyai disiplin diri yang tinggi. Pelajar mesti menepati masa dan menggunakan masa yang ada dengan **3) baik** mungkin. Jadual belajar harus **4) patuh** pelajar. Pada masa lapang pula pelajar mesti melakukan aktiviti berfaedah seperti membaca bahan ilmiah dan melayari Internet bagi menambahkan lagi **5) tahu** mereka.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____